AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Dua kluster baharu tempat kerja

Kesemuanya melibatkan tempat kerja di Selangor dan Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan dua lagi kluster baharu jangkitan Covid-19 yang kesemuanya melibatkan tempat kerja di Selangor dan Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama iaitu Kluster Solar Ria melibatkan daerah Sepang, Kuala Selangor, Gombak, Petaling dan Hulu Langat di Selangor dengan kes indeks telah dilaporkan positif pada 7 Disember hasil saringan sebelum pulang ke negara asal.

"Sehingga 14 Disember, sejumlah 2,339 individu telah disaring di mana 25 kes telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini yang melibatkan sembilan warganegara dan 16 bukan warganegara," katanya pada sidang akhbar di sini pada Isnin.

Menurutnya, kluster kedua ialah Kluster Senu Setia melibatkan daerah Kepong, Kuala Lumpur dengan kes indeks telah dilaporkan positif Covid-19 pada 13 Disember juga hasil saringan sebelum pulang ke negara asal.

"Sehingga 14 Disember, sejumlah 26 individu telah disaring, di mana 13 kes dikesan positif Covid-19. Kesemua kes dalam kluster ini merupakan bukan warganegara," katanya.

Beliau berkata, sehingga semalam, sebanyak 418 kluster dilaporkan termasuk dua kluster baharu tersebut.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan kes baharu positif Covid-19 di negara ini terus mencatat empat angka dengan 1,371 kes selain merekodkan empat kematian baharu dalam tempoh 24 jam lepas.

DR NOOR HISHAM

Katanya, perkembangan terbaharu itu menjadikan kes terkumpul positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 84,846 kes dengan kes aktif sebanyak 13,830 kes.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat satu kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala baki 1,370 kes adalah penularan dalam negara.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, bilangan kes sembuh semalam mencatatkan sebanyak 1,204 kes, menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 70,597 kes.

Katanya, pada masa ini terdapat 114 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 62 memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, empat kematian semalam melibatkan tiga wanita tempatan dan seorang lelaki bukan warganegara, yang menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 419 kes.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tempoh perintah pengawasan dan pemerhatian selama 10 hari akan dipertimbangkan bagi mereka yang sedang menjalani kuarantin pada masa ini.

Beliau berkata, KKM akan menjalankan ujian saringan ke atas mereka pada hari kelapan dan kesembilan kuaratin.

"Mereka yang sedang menjalani kuarantin akan juga dipertimbangkan untuk kita kuarantin selama 10 hari sahaja.

"Kita juga akan menjalankan ujian (saringan) pada hari kelapan dan kesembilan. (Sekiranya) ujian negatif, baru (kita) lepas (mereka) pada hari ke-10," kata beliau.